

## SOALAN LAZIM

### PEMBAHARUAN PERAKUAN AMALAN BAGI SETIAUSAHA DI BAWAH SEKSYEN 241 AKTA SYARIKAT 2016

#### Pembaharuan Perakuan Amalan

BIL	SOALAN	JAWAPAN								
1	Apakah keperluan yang perlu dipatuhi untuk memperbaharui perakuan amalan setiausaha?	(a) Bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan. (b) Tidak pernah disabitkan sama ada di dalam atau di luar Malaysia bagi mana-mana kesalahan yang disebut dalam seksyen 198 Akta Syarikat 2016. (c) Tiada tindakan undang-undang yang belum selesai di bawah mana-mana peruntukan undang-undang di Jadual Pertama Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001. (d) Lesen setiausaha syarikat atau keahlian dalam badan yang diluluskan mestilah sah sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh permohonan pembaharuan dibuat. (e) Mematuhi keperluan CPE yang ditetapkan.								
2	Bilakah saya perlu membuat permohonan pembaharuan perakuan amalan?	Tidak lewat dari 30 hari sebelum tarikh perakuan amalan tamat.								
3	Bagaimana saya hendak membuat permohonan pembaharuan perakuan amalan?	Permohonan boleh dibuat melalui sistem e-Secretary di pautan pantas, Portal Rasmi SSM atau URL <a href="https://esecretary.ssm.com.my/">https://esecretary.ssm.com.my/</a> .								
4	Berapa lama perakuan amalan boleh diperbaharui?	Perakuan amalan boleh diperbaharui untuk tempoh 1, 2 atau 3 tahun.								
5	Berapakah fi yang perlu dibayar untuk memperbaharui perakuan amalan?	(a) Permohonan perakuan amalan : RM100.00 (b) Permohonan pembaharuan perakuan amalan: <table border="1"><thead><tr><th>Tempoh perakuan amalan</th><th>Fi (RM)</th></tr></thead><tbody><tr><td>Satu tahun</td><td>RM 100.00</td></tr><tr><td>Dua tahun</td><td>RM 200.00</td></tr><tr><td>Tiga tahun</td><td>RM 300.00</td></tr></tbody></table>	Tempoh perakuan amalan	Fi (RM)	Satu tahun	RM 100.00	Dua tahun	RM 200.00	Tiga tahun	RM 300.00
Tempoh perakuan amalan	Fi (RM)									
Satu tahun	RM 100.00									
Dua tahun	RM 200.00									
Tiga tahun	RM 300.00									

BIL	SOALAN	JAWAPAN
6	Berapakah jangka masa untuk permohonan pembaharuan perakuan amalan diluluskan melalui sistem?	Permohonan untuk pembaharuan perakuan amalan akan diluluskan secara automatik oleh sistem tertakluk kepada semua keperluan telah dipatuhi.
7	Adakah saya akan dimaklumkan apabila permohonan pembaharuan perakuan amalan diluluskan?	Anda akan dimaklumkan melalui emel yang telah didaftarkan atau membuat semakan status permohonan melalui sistem e-Secretary.
8	Di manakah saya boleh mendapatkan perakuan amalan selepas permohonan pembaharuan diluluskan oleh sistem?	Sila log masuk ke sistem e-Secretary untuk mendapatkan perakuan amalan.
9	Adakah nombor perakuan amalan saya akan berubah selepas diperbaharui?	Tidak. Nombor perakuan amalan akan kekal sama selepas pembaharuan.
10	Bolehkan saya membuat permohonan pembaharuan perakuan amalan selepas tarikh tamat tempoh?	<p>Anda dibenarkan untuk membuat permohonan pembaharuan jika perakuan amalan tamat dalam tempoh 12 bulan dari tarikh luput. Walau bagaimanapun, akan terdapat jurang (<i>lapse</i>) dalam tempoh sah perakuan amalan anda.</p> <p>Sekiranya perakuan amalan anda tamat tempoh melebihi 12 bulan, anda dikehendaki membuat permohonan baharu di bawah seksyen 241 dan mendapat nombor perakuan amalan baru setelah permohonan diluluskan.</p>
11	Apakah tanggungjawab saya berhubung nombor perakuan amalan?	<p>Nombor perakuan amalan hendaklah dicatatkan apabila melaksanakan apa-apa dokumen dalam kapasiti sebagai setiausaha atau semasa membuat serahsimpan sebarang dokumen / surat-menyurat dengan Pendaftar.</p> <p>Contoh:</p> <p>PC SSM. No.: 202008000789</p>
12	Apakah yang berlaku sekiranya perakuan amalan telah tamat tempoh?	Anda hilang kelayakan untuk bertindak sebagai setiausaha syarikat sepertimana yang diperuntukkan oleh seksyen 238 AS2016.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
13	Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya tidak lagi berkelayakan untuk bertindak sebagai setiausaha?	Anda hendaklah memaklumkan kepada Pendaftar dan syarikat yang telah dilantik sebagai setiausaha secara bertulis dalam tempoh 14 hari dari tarikh kejadian.
14	Bagaimanakah saya hendak mengemaskini perubahan butiran dalam permohonan pembaharuan memandangkan maklumat tersebut ditarik daripada permohonan terdahulu?	Anda boleh mengemukakan emel kepada esecretary@ssm.com.my untuk mengemaskini perubahan maklumat.
15	Apakah jenis perubahan butiran yang perlu dimaklumkan kepada SSM?	<p>Perubahan butiran seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perubahan maklumat untuk dihubungi: Nombor telefon, alamat email dan nombor fax.</li> <li>• Perubahan alamat kediaman.</li> <li>• Perubahan kelayakan professional sebagai setiausaha.</li> <li>• Perubahan maklumat pejabat setiausaha syarikat.</li> </ul>
16	Bilakah saya perlu memaklumkan perubahan butiran kepada SSM?	Anda perlu memaklumkan kepada SSM dalam masa 14 hari dari tarikh perubahan butiran setiausaha.
17	Adakah berlaku kesalahan sekiranya gagal untuk memaklumkan SSM berhubung perubahan butiran setiausaha dalam tempoh 14 hari?	Ya. Anda boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10.000.00 jika disabitkan kesalahan.
18	Apakah jenis entiti yang dibenarkan sebagai pejabat setiausaha syarikat semasa membuat permohonan perakuan amalan?	<p>Pembekal perkhidmatan kesetiausahaan:</p> <p>(a) Syarikat  (b) Perniaaan  (c) PLT  (d) Firma guaman  (e) Firma Bukan Audit  (f) Lesen Perniagaan (Sabah/Sarawak)</p> <p><i>In-house secretary:</i></p> <p>(a) Syarikat  (b) Pihak berkuasa persekutuan/negeri</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
19	Bolehkan firma audit dimasukkan sebagai pejabat setiausaha syarikat semasa membuat permohonan perakuan amalan?	Tidak boleh. Firma audit adalah sebuah entiti yang didaftarkan di bawah seksyen 265 AS2016 khusus untuk menawarkan perkhidmatan pengauditan kepada syarikat.
20	Apakah dokumen yang perlu saya lampirkan bagi permohonan pembaharuan perakuan amalan?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sijil keahlian dalam badan diluluskan; dan</li> <li>• Resit rasmi bagi pembaharuan keahlian dalam badan diluluskan.</li> </ul>
21	Adakah sijil <i>Institute of Chartered Secretaries and Administrator</i> (ICSA) boleh dijadikan sebagai dokumen sokongan berhubung keahlian dalam MAICSA?	Boleh sekiranya setiausaha mestilah sekurang-kurangnya seorang <i>associates member</i> kepada ICSA.

### Pendidikan Profesional Berterusan (CPE)

NO	SOALAN	JAWAPAN								
1	Apakah definisi Pendidikan Profesional Berterusan (CPE)?	Pendidikan Profesional Berterusan (CPE) bermaksud sebarang kursus pengajian, latihan dan pengalaman praktikal dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai setiausaha.								
2	Berapakah jam CPE yang perlu dikumpul untuk memperbaharui perakuan amalan kali pertama?	Minimum 20 jam CPE untuk pembaharuan perakuan amalan kali pertama.								
3	Berapakah jam CPE yang perlu dikumpul untuk pembaharuan perakuan amalan berikutnya?	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tempoh Sah Perakuan Amalan</th> <th>Jumlah Jam CPE Diperlukan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 tahun</td> <td>20 jam CPE</td> </tr> <tr> <td>2 tahun</td> <td>40 jam CPE</td> </tr> <tr> <td>3 tahun</td> <td>60 jam CPE</td> </tr> </tbody> </table>	Tempoh Sah Perakuan Amalan	Jumlah Jam CPE Diperlukan	1 tahun	20 jam CPE	2 tahun	40 jam CPE	3 tahun	60 jam CPE
Tempoh Sah Perakuan Amalan	Jumlah Jam CPE Diperlukan									
1 tahun	20 jam CPE									
2 tahun	40 jam CPE									
3 tahun	60 jam CPE									
4	Bilakah saya perlu mengumpul jam CPE?	Jam CPE perlu dikumpul semasa tempoh sah perakuan amalan bagi tujuan pembaharuan berikutnya.								
5	Berapakah bilangan CPE mengikut jam pembelajaran bagi kursus/latihan?	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil. Jam Pembelajaran</th> <th>Bil CPE</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>8 jam pembelajaran (sehari)</td> <td>8 CPE</td> </tr> <tr> <td>4 jam pembelajaran (separuh hari)</td> <td>4 CPE</td> </tr> <tr> <td>1 jam pembelajaran</td> <td>1 CPE</td> </tr> </tbody> </table>	Bil. Jam Pembelajaran	Bil CPE	8 jam pembelajaran (sehari)	8 CPE	4 jam pembelajaran (separuh hari)	4 CPE	1 jam pembelajaran	1 CPE
Bil. Jam Pembelajaran	Bil CPE									
8 jam pembelajaran (sehari)	8 CPE									
4 jam pembelajaran (separuh hari)	4 CPE									
1 jam pembelajaran	1 CPE									

NO	SOALAN	JAWAPAN
6	Apakah kategori CPE yang akan diambilkira untuk pembaharuan perakuan amalan?	<p>Terdapat 3 kategori CPE iaitu:</p> <p>(a) Latihan / kursus;  (b) Pengajian; dan  (c) Pengalaman Praktikal.</p> <p>Butiran untuk setiap kategori CPE adalah seperti berikut:</p> <p>(a) Latihan / kursus</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghadiri latihan / kursus berkaitan dengan: <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Amalan kesetiausahaan syarikat, undang-undang syarikat dan korporat.</li> <li>✓ Industri di mana syarikat beroperasi.</li> <li>✓ Pembangunan peribadi (<i>personal development</i>).</li> </ul> </li> <li>• 20 jam CPE setahun.</li> </ul> <p>(b) Pengajian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sedang mengikuti kursus, diploma atau ijazah / pendidikan tinggi di institusi yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.</li> <li>• Dalam bidang undang-undang syarikat, amalan kesetiausahaan syarikat, pengurusan, pentadbiran perniagaan atau perakaunan.</li> <li>• Maksimum 20 jam CPE setahun.</li> </ul> <p>(c) Pengalaman Praktikal</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberikan latihan berkaitan undang-undang syarikat, undang-undang korporat dan amalan kesetiausahaan.</li> <li>• Maksimum 8 jam CPE setahun.</li> </ul>
7	Berapakah peratusan jam CPE yang diambilkira mengikut jenis kursus/latihan?	<p>Jenis latihan / kursus:</p> <p>(a) Amalan kesetiausahaan syarikat, undang-undang syarikat dan korporat.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Minimum 60% daripada jumlah jam CPE.</li> <li>• Amalan kesetiausahaan syarikat - Kursus yang berkaitan dengan peranan dan tugas setiausaha syarikat seperti yang dikehendaki di bawah CA2016 atau undang-undang dan amalan lain yang berkaitan.</li> </ul>

NO	SOALAN	JAWAPAN											
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Undang-undang Syarikat dan Korporat - Kursus yang berkaitan dengan peraturan, amalan dan peraturan yang mengawal hal ehwal syarikat.</li> </ul> <p>(b) Industri di mana syarikat beroperasi.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Maksimum 25% daripada jumlah jam CPE.</li> <li>• Kursus yang berkaitan dengan sifat atau objek syarikat yang akan meningkatkan pemahaman mengenai operasi dan pengurusan syarikat.</li> <li>• Contoh: Industri minyak dan gas - Mengurus risiko projek, kontrak.</li> </ul> <p>(c) Pembangunan peribadi (<i>personal development</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Maksimum 15% daripada jumlah jam CPE minimum.</li> <li>• Kursus yang akan meningkatkan kemahiran, pengetahuan, kecekapan dan keberkesanan dalam menjalankan tugas sebagai setiausaha.</li> <li>• Contoh: Pengucapan awam dan komunikasi, penulisan laporan, kepimpinan, pengurusan masa, pemikiran kritikal dan sebagainya.</li> </ul>											
8	Adakah saya perlu melampirkan dokumen sokongan bagi jam CPE?	<p>Ya. Anda dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan mengikut kategori CPE seperti berikut:-</p> <p>(a) Latihan/kursus</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sijil kehadiran kursus (wajib)</li> <li>• Modul kursus (pilihan)</li> </ul> <p>(b) Pengalaman Praktikal</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengesahan bertulis daripada penganjur latihan (wajib)</li> <li>• Dokumen sokongan lain (pilihan)</li> </ul> <p>(c) Pengajian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengesahan bertulis daripada Institusi Pengajian yang diiktiraf (wajib)</li> <li>• Slip Keputusan /Sijil Pengajian (pilihan)</li> <li>•</li> </ul>											
9	Apakah syarat bagi jam CPE berdasarkan tempoh pengajian?	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Tempoh Pengajian</th> <th style="text-align: center;">Jam CPE</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tempoh Pengajian &lt;= 3 bulan</td> <td style="text-align: center;">5 CPE (Maks)</td> </tr> <tr> <td>Tempoh Pengajian 4 – 6 bulan</td> <td style="text-align: center;">10</td> </tr> <tr> <td>Tempoh Pengajian 7 – 9 bulan</td> <td style="text-align: center;">15</td> </tr> <tr> <td>Tempoh Pengajian 10 – 12 bulan</td> <td style="text-align: center;">20</td> </tr> </tbody> </table>		Tempoh Pengajian	Jam CPE	Tempoh Pengajian <= 3 bulan	5 CPE (Maks)	Tempoh Pengajian 4 – 6 bulan	10	Tempoh Pengajian 7 – 9 bulan	15	Tempoh Pengajian 10 – 12 bulan	20
Tempoh Pengajian	Jam CPE												
Tempoh Pengajian <= 3 bulan	5 CPE (Maks)												
Tempoh Pengajian 4 – 6 bulan	10												
Tempoh Pengajian 7 – 9 bulan	15												
Tempoh Pengajian 10 – 12 bulan	20												
10	Apakah maksud "utilized" dan "unutilized", di dalam status CPE?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• "Unutilized": Mata/Jam CPE telah dimasukkan ke dalam sistem namun belum digunakan untuk tujuan pembaharuan sijil amalan setiausaha syarikat.</li> </ul>											

NO	SOALAN	JAWAPAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Utilized: Mata/Jam CPE telah digunakan untuk tujuan pembaharuan sijil amalan setiausaha syarikat/dan melebihi tempoh pembaharuan sijil amalan setiausaha syarikat.</li> </ul>
11	Sekiranya perakuan amalan saya sah selama 3 tahun, adakah saya perlu mengumpul 20 jam CPE untuk setiap tahun atau boleh dikumpulkan dalam 3 tahun?	Jika perakuan amalan sah melebihi tempoh satu (1) tahun, maka jam CPE boleh dikumpul dalam tempoh tersebut.
12	Bilakah saya perlu mengemaskini jam CPE di sistem e-Secretary?	Jam CPE boleh dikemaskini pada bila-bila masa selepas mendapat sijil atau dokumen berkaitan.
13	Bolehkah saya menggunakan jam CPE yang sama untuk memperbaharui lesen setiausaha syarikat bagi memperbaharui perakuan amalan?	Ya, boleh. Tertakluk kepada CPE yang dikumpul hendaklah semasa tempoh sah perakuan amalan dan mematuhi FAQ di bil. 6 dan 7.
14	Bolehkah saya memohon pengecualian daripada mematuhi keperluan jam CPE untuk memperbaharui perakuan amalan?	Tiada pengecualian diberikan daripada mematuhi keperluan CPE.
15	Bolehkah saya menghadiri kursus / latihan yang sama dalam tempoh sah perakuan amalan?	Ya. Walau bagaimanapun anda digalakkan menghadiri latihan / kursus yang berlainan untuk meningkatkan pengetahuan, kecekapan dan kemahiran sebagai setiausaha syarikat.
16	Adakah latihan dalam talian diiktiraf untuk pembaharuan perakuan amalan?	<p>Ya. Maksimum 4 jam CPE setahun akan diiktiraf / diambil kira untuk pembaharuan perakuan amalan setiausaha.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, susulan daripada situasi semasa berhubung pandemik Covid-19 yang menghadkan pergerakan setiausaha untuk menghadiri kursus/latihan dalam kelas, SSM dengan ini bersetuju untuk mengiktiraf tambahan mata CPE bagi latihan dalam talian daripada maksimum 4 kepada 20 mata CPE bagi pembaharuan perakuan amalan setiausaha berdasarkan kepada syarat-syarat seperti berikut:</p> <p>(a) Pengiktirafan <b>maksimum 20 mata CPE setahun</b> diberikan bagi latihan dalam talian untuk tempoh sehingga 14 Mac 2021.</p>

NO	SOALAN	JAWAPAN
		<p>(b) <b>Minimum</b> 1 mata CPE bagi latihan dalam talian. Mata CPE dikira berdasarkan kepada bilangan jam pembelajaran iaitu 1 jam pembelajaran bersamaan 1 mata CPE.</p> <p>(c) Semua jenis atau kategori latihan dalam talian boleh diambilkira sebagai mata CPE iaitu termasuk <i>webinars</i> dan <i>e-learning</i>.</p> <p>(d) Latihan dalam talian boleh sama ada dianjurkan oleh SSM, badan professional, badan kawalselia, pembekal latihan atau secara <i>in-house</i>.</p> <p>(e) Setiausaha perlu mematuhi jenis latihan/kursus dan peratusan mata CPE sepertimana yang dinyatakan di para 35, Garis Panduan Berhubung Perakuan Amalan Setiausaha Di Bawah Seksyen 241 Akta Syarikat 2016.</p>
17	Adakah saya wajib menghadiri kursus / latihan anjuran SSM?	Tidak. Anda boleh menghadiri latihan / kursus yang dianjurkan oleh SSM, organisai/pembekal latihan lain atau latihan/kursus dalaman.
18	Adakah saya perlu mengumpul jam CPE untuk permohonan perakuan amalan?	Tidak. Jam CPE hanya perlu dikumpul bagi tujuan pembaharuan perakuan amalan sahaja.
19	Adakah saya perlu menyatakan dan melampirkan <b>modul</b> latihan / kursus di dalam sistem untuk permohonan pembaharuan?	<p>Modul latihan/kursus tidak wajib dilampirkan. Walau bagaimanapun, modul tersebut perlu dinyatakan dan dilampirkan sekiranya nama program tidak menggambarkan topik / bidang berkaitan dengan undang-undang syarikat, undang-undang korporat dan amalan kesetiausahaan sepertimana yang dikehendaki.</p> <p>Keperluan ini adalah terpakai untuk kategori CPE latihan/kursus dan pengalaman praktikal.</p>
20	Adakah <i>in-house / internal training</i> diiktiraf untuk pembaharuan perakuan amalan?	Ya. Walau bagaimanapun hanya maksimum 8 mata CPE setahun diambilkira untuk pembaharuan perakuan amalan setiausaha.